



Kiraan Denggi
Jan - 26 April

Jangkitan **16,874**

Kematian **26**

KENALI ADUN ANDA
RAZALY HASSAN
N23 Dusun Tua

muka 5



17 - 23 JUN 2014

Jalan Yong Shook Lin,
Pusat Bandar Seksyen 52,
Petaling Jaya, Selangor

www.mbpj.gov.my | 03-7956 3544

Petaling Jaya City Council | majlis bandaraya PJ | petaling jaya city council

Susulan catuan air ditamatkan

Kerajaan Negeri pastikan bekalan air cukup dan selamat

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Pelbagai langkah proaktif diambil bagi memastikan bekalan air di Selangor terjamin walaupun catuan air ditamatkan 1 Mei lepas.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata langkah-langkah itu adalah perlu bagi menghadapi musim kering yang dijangka berlarutan hingga September.

Beliau turut menggesa Kerajaan Persekutuan supaya menyokong usaha menggunakan kepakaran Thailand untuk melaksanakan pembenihan awan menggunakan kaedah 'Ejectable Flare Rack'.

Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghasilkan hujan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu menggunakan 'The Royal Rainmaking Technology' yang dirumus oleh Raja Siam, Bhumibol Adulyadej.

Ia digunakan Thailand, Singapura dan Australia untuk melawan kemarau ekstrem.

"Saya menulis surat kepada Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, pada 20 April lalu.

"Berdasarkan maklumat diperoleh, terdapat sekatan untuk melakukan teknik ini kerana dipercayai mempunyai unsur yang mungkin memberi kesan kepada isu keselamatan negara," katanya dalam sidang media selepas mengumumkan penamatan program catuan air yang dilaksanakan sejak Februari lalu.

Bekalan ke semua kawasan yang terjejas disambung semula bermula 1 Mei dan 2 Mei bagi kawasan bertekanan rendah.

"Kerajaan Negeri berpendapat tidak perlu menunggu empangan mencapai takungan 50 peratus kerana yakin usaha keras yang telah dilaksanakan seperti mengepam air kolam selain hujan berterusan di kawasan tadahan air akan meningkatkan lagi paras empangan



TAHNIAH... Datin Paduka Alinah Ahmad diiktiraf sebagai Datuk Bandar Wanita Pertama dalam Malaysia Book of Records. Beliau menerima anugerah itu daripada Pengarah Urusan Malaysia Book of Records, Datuk Danny Ooi, pada majlis makan malam di Petaling Jaya pada 30 April *Gambar oleh Asri Sapfie*

Kerajaan Negeri berpendapat tidak perlu menunggu empangan mencapai takungan 50 peratus kerana yakin usaha keras yang telah dilaksanakan seperti mengepam air kolam selain hujan berterusan di kawasan tadahan air akan meningkatkan lagi paras empangan
ABDUL KHALID

ana yakin usaha keras yang dilaksanakan seperti mengepam air kolam, selain hujan berterusan di kawasan tadahan air akan meningkatkan lagi paras empangan," katanya dalam satu sidang media selepas Mesyuarat Exco di Bangunan SUK yang turut disertai Exco Negeri, Dr Ahmad Yunus Hairi dan Sallehin Mukhyi.

Keputusan itu dibuat bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Lembaga Urus Air Selangor

(Luas), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) serta syarikat-syarikat konsesi dalam Mesyuarat Pelan Catuan Bekalan Air Negeri Selangor, 28 Mei lalu.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri, Luas, Span serta JPS akan terus memantau perkembangan bekalan air.

lihat muka 2 >>



selangorku

PENGUMUMAN PENTING

Kerajaan Selangor telah mengarahkan supaya catuan air yang dilaksanakan sejak Februari lalu di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya ditarik balik serentak bermula 1 Mei.

Semua kawasan yang terlibat catuan akan memperolehi bekalan air seperti biasa bermula 1 Mei (Khamis) atau selewat-lewatnya 2 Mei (Jumaat) bagi kawasan tekanan air rendah.

Pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dimaklumkan keputusan ini dan diarah mematuhi dengan memastikan pengguna menerima bekalan air seperti sediakala.

Kerajaan Negeri, Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span) serta Jabatan Pengairan dan

Saliran (JPS) akan terus memantau setiap hari perkembangan ini untuk memastikan paras empangan terus meningkat dan keputusan membatalkan perintah catuan akan dikaji dari semasa ke semasa.

Kerajaan Negeri memberi jaminan keselamatan rakyat diutamakan apabila hasil pensampelan dan kualiti air kolam-kolam yang diambil menunjukkan tiada unsur kimia dan logam berat mematuhi parameter yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Usaha-usaha untuk menambah bekalan air akan diperhebatkan termasuk mengadakan pembenihan awan menggunakan teknologi dari Thailand, The Royal Rainmaker Technology sebagai persediaan menghadapi mu-

sim kering yang panjang, hujan yang amat kurang dan jerebu yang dijangka bermula akhir Mei hingga September 2014.

Kerajaan Negeri akan memberi maklumat penuh hasil kajian oleh Kementerian Kesihatan berkenaan penggunaan air lombong sebaik menerima laporan.

Maklumat dan perkembangan semasa paras empangan dan usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri akan dimaklumkan dalam sidang media berkala setiap dua hari.

Kerajaan Negeri merayu agar rakyat mengagalkan penggunaan air secara berhemah dengan menggunakan tadahan air hujan bagi aktiviti luar seperti membasuh kereta atau menyiram pokok dan mengelak pembakaran terbuka.

<< Dari Muka Hadapan

Kajian dilaksanakan sejak 2009

Kerajaan Negeri berusaha tambah bekalan air

“Pemantauan ini untuk memastikan paras empangan terus meningkat dan keputusan membatalkan perintah catuan ini akan dikaji dari semasa ke semasa,” katanya lagi.

Pengagihan air berjadual mula dilaksanakan sejak Februari lalu di beberapa kawasan di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri juga akan terus memperhebat usaha menambah bekalan air bagi menghadapi masa kritikal pada masa hadapan.

“Kita sediakan RM10 juta untuk beli pam dan pembelian infrastruktur bagi melakukan kerja pengempaman ini.

“Pam ini juga akan digunakan untuk mengepam air sungai yang berlebihan ke kolam takungan sebagai persiapan awal dan akan dipam semula ke sungai apabila musim kering,” katanya.

Kandungan kolam Hang Tuah disahkan selamat

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kandungan kolam takungan Hang Tuah disahkan selamat berdasarkan hasil kajian yang dilakukan Kerajaan Negeri sejak 2009.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata hasil pensampelan menunjukkan tidak ada unsur kimia dan logam berat yang ditemui, bahkan kualiti air kolam berkenaan mematuhi parameter yang ditetapkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri juga tidak pernah menyembunyikan maklumat dan akan mendedahkan hasil kajian kepada orang ramai dalam masa terdekat.

“Kita mengkaji air dahulu dan kajian ini sentiasa dibuat jabatan kimia yang merekod keputusan setiap kajian.



Kerajaan Negeri beri jaminan kualiti air Kolam Hang Tuah akan dipantau secara berterusan

“Sebelum air terawat sampai kepada pengguna, ia perlu melalui tiga peringkat ujian dan perlu lulus semuanya,” kata beliau dalam sidang me-

dia selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco.

Sebelum ini, beberapa pihak mempersoalkan kandungan air kolam Hang Tuah

yang dikhuatiri tidak selamat untuk digunakan.

Antara lain, Pengerusi Majlis Kualiti Alam Sekeliling Malaysia, Prof Datuk Dr Zaini Ujang dilaporkan berkata, langkah kerajaan Selangor mendapatkan bekalan air mentah dari bekas lombong tidak sesuai kerana mungkin boleh menyebabkan penyakit kulit.

Pada masa sama, Abdul Khalid memaklumkan Kerajaan Negeri akan meningkatkan kawalan keselamatan di kolam takungan dan menjadikan sekitar lokasi terbabit sebagai kawasan larangan khas.

“Kerajaan Negeri juga memberi jaminan akan sentiasa menjaga keselamatan pengguna dan memberi maklumat penuh jika terdapat keraguan terhadap penggunaan air kolam terbabit,” katanya.

Catuan air dihentikan demi kepentingan rakyat

SHAH ALAM - Keputusan menamatkan catuan air dibuat demi kepentingan rakyat yang rata-ratanya lelah dengan proses catuan air selama lebih dua bulan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berasa dukacita dengan dakwaan yang mengaitkan keputusan itu dengan pemilihan PKR yang sedang berlangsung. Beliau juga menafikan keputusan dibuat atas desakan parti.

"Jika sebab pemilihan, sudah tentulah saya akan tamatkan lebih awal lagi, tidak perlu menunggu sehingga sekarang," katanya selepas mengumumkan penamatan program catuan.

Selangor Kini difahamkan mesyuarat membincangkan keputusan 28 Mei itu dihadiri semua pihak yang terlibat dalam pemantauan paras air. Sebelum ini, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) menasihatkan Kerajaan Negeri supaya membatalkan catuan hanya selepas kapasiti empangan mencecah paras selamat 55 peratus.

Antara kebimbangan yang dibangkitkan dalam mesyuarat itu adalah risiko ketiadaan awan untuk membantu proses pembenihan awan selepas catuan ditamatkan.

Musim kering dan panas dijangka berlarutan sehingga September. Dengan kapasiti sedia-ada, bekalan air di Selangor dijangka hanya bertahan selama 29 hari sahaja.

Abdul Khalid meminta ahli mesyuarat supaya turut mengambil-kira keluhan rakyat Selangor dan berkata sekiranya semua usaha yang digerakkan gagal untuk memulihkan keadaan, dan cuaca terus tidak menyebelahi Selangor, maka beliau akan bertanggungjawab atas keputusan ini.

Sebelum ini, pemimpin DAP Pulau Pinang Jeff Ooi Chuan Aun menyelar Abdul Khalid dengan kata-kata kesat selepas kediamannya dicatu air menyebabkan beliau tidak dapat mandi dengan sempurna.

Puncak Niaga digesa telus kepada pemegang saham

SHAH ALAM - Puncak Niaga Holdings Bhd didesak supaya bersikap telus kepada semua pemegang saham berhubung urusan penstrukturan semula industri air yang akan dilaksanakan.

Setiausaha Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti Puncak Niaga (PNMWSG), Ang Chin Hann, berkata sehingga kini lebih 100 pemegang saham minoriti dalam syarikat berkenaan masih tidak mengetahui status atau pulangan pelaburan yang bakal diterima.

Malah katanya, kesemua pemegang saham minoriti juga tidak dimaklumkan mengenai jumlah aset dan ekuiti yang dimiliki dalam syarikat itu.

"Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Holdings Bhd, Tan Sri Rozali Ismail dan ahli lembaga pengarah perlu memaklumkan perkembangan terkini kepada semua pemegang saham.

"Ia termasuk pemegang saham minoriti supaya mereka dapat membuat pertimbangan dan keputusan dengan bijak di Mesyuarat Agung Luar Biasa



Ang Chin Hann, mewakili pemegang saham Puncak Niaga sewaktu sidang media di pejabat PNMWSG

kelak," katanya di satu sidang akhbar di pejabat PNMWSG di Glenmarie Shah Alam, baru-baru ini.

Kumpulan itu mengingatkan Ahli Lembaga Pengarah supaya mempertimbangkan tawaran Kerajaan Negeri dan mencari penyelesaian terbaik dalam penstrukturan itu.

Putrajaya dan Kerajaan Negeri akan menggunakan pakai Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA) setelah beberapa siri rundingan antara kerajaan Selangor dan syarikat konsesi air gagal mencapai kata sepakat.

Dua konsesi pertimbang semula tawaran Selangor

SHAH ALAM - Dua lagi syarikat konsesi dilaporkan berminat dengan tawaran RM9.65 bilion daripada Kerajaan Negeri untuk menjayakan penstrukturan air Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata dengan perkembangan terbaru itu Kerajaan Negeri kini dalam pertimbangan kemungkinan menolak pelaksanaan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA) 2006.

Katanya, jika semua syarikat konsesi air bersetuju dengan tawaran asal itu penguatkuasaan Seksyen 114 WSIA

tidak lagi relevan.

"Nampak gayanya dua lagi syarikat konsesi mahu pertimbangkan tawaran sebelum ini, tetapi saya lebih suka WSIA 114 sebab lebih murah. Jadi, menteri perlu beri alasan kukuh kenapa saya mesti balik semula pada tawaran asal dan akan dipertimbangkan.

"Jika saya terima pada tawaran sebelum ini, mungkin tidak perlu WSIA 114 lagi," katanya seusai mempengerusikan Mesyuarat Exco.

Beliau enggan mendedahkan dua syarikat konsesi terbabit dan menyerahkan kepada Menteri Tenaga, Tek-

nologi Hijau dan Air (Kettha), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili untuk mengumumkannya.

Pada 26 Februari lalu, Kerajaan Negeri menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Kerajaan Persekutuan bagi mengambil alih industri air di Selangor.

Sebelum ini, hanya satu daripada empat syarikat konsesi bersetuju dengan tawaran Kerajaan Negeri iaitu ABASS sementara yang lain, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Puncak Niaga Sdn Bhd dan Splash Sdn Bhd tidak bersetuju.

APA KATA RAKYAT?

Satu berita baik untuk rakyat Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Begitu juga sektor perindustrian yang sebelum ini terjejas akibat krisis air. Diharap Kerajaan Negeri dan Syabas ambil iktibar daripada perkara ini agar tidak berulang lagi."



"Saya setuju keperluan asas seperti air ini diberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri untuk dikendalikan berbanding diswashtakan. Penswastaan boleh menimbulkan konflik kepentingan kepada pihak tertentu yang mengutamakan keuntungan berbanding kebajikan pengguna

Zainal Mahta, 60, Bekas Pengurus Kanan Petronas Seksyen 9, Shah Alam

Saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan Negeri menamatkan pelan catuan air di Selangor. Semestinya semua pengguna di Lembah Klang menantikan detik ini kerana ia mendatangkan banyak masalah apabila berlaku."



"Saya yakin Kerajaan Negeri mempunyai perancangan rapi berhubung perkara ini (mengakhiri catuan air) dan pasti terdapat pelan alternatif seandainya krisis air berulang

Yusof Hashim, 57, Juruteknik Swasta Bukit Kerayong, Klang

Berakhirnya tempoh catuan adalah satu berita baik buat kami dan pengusaha makanan. Sebelum ini, kami terpaksa berkongsi bekalan air bagi menampung keperluan cawangan lain yang terjejas kerana catuan. Sekurang-kurangnya lapan tong besar diambil di sini bagi menampung keperluan cawangan,"



"Berdasarkan pengalaman ini, saya yakin Kerajaan Negeri mampu tangani masalah air sekiranya ia berulang

Zainuri Roslan, 24 Pembantu Kedai Makanan Seksyen 13, Shah Alam

Kembali Reformasi ke tempat asalnya

Proses Pemilihan 2014 memabitkan pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR) sudah bermula. Masih peringkat awal dan perjalanan masih jauh.

Sayangnya, minggu pertama pemilihan sudah diributkan dengan dakwaan penipuan undi, khususnya di Cabang Batang Sadong, Sarawak.

Mengikut dakwaan yang tersebar melalui media sosial, ia didalangi seorang tokoh yang terlibat awal dalam perjuangan Reformasi.

Entah benar, entah tidak, tetapi ia mengecewakan. Kerana proses pemilihan ini unik - satu ahli satu undi - sesuatu yang tak pernah diamal mana-mana parti politik.

Akan tetapi, jika dipenuhi dengan penipuan semata-mata mahu mengekal kuasa dengan cara main kotor, matlamat asal tak kan kesampaian.

Kerana asas utama konsep 'satu ahli satu parti' ialah mengelak amalan politik wang yang membelenggu Umno sekian lama.

Andai penipuan berleluasa, ia kelak membunuh demokrasi dalam parti, malah membinasakan masa depan bersama dalam memperjuang agenda rakyat.

Jadi, Jawatankuasa Pemilihan Parti (JPP) perlu tegas. Jika perlu, batalkan pencalon-



Selangorkini
EDITORIAL

an mana-mana individu yang mendalangi usaha yang berlawanan dengan semangat Reformasi.

Datuk Seri Anwar Ibrahim juga sudah menegaskan pendirian - ambil tindakan termasuk membatalkan undian kepada individu yang menipu semasa pemilihan parti.

Ketegasan perlu bagi menunjukkan JPP tiada kompromi dengan mana-mana pihak termasuk pimpinan tinggi parti.

"Kita bukan seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), boleh melindungi yang salah. Kita tegas tak kira siapa.

"Wujud unsur kecuai mahupun penipuan, JPP perlu menanggukkan segera pemilihan dan membatalkan undian," katanya pada sidang media, baru-baru ini.

Keributan itu sekaligus menunjukkan semangat Reformasi yang menjalar ke pelusuk negara lebih 10 tahun itu, kian pudar dek kerakusan segelintir pemimpin.

Mereka ini termasuklah individu yang mula-mula memacakkan pasak perjuangan kini hanyut dengan retorik kuasa dan kemegahan diri.

Maknanya, semangat Reformasi perlu digilap dan dituliskan semula.

Ketua Pengarang

Turun padang dengar masalah rakyat

KLANG - Kira-kira 200 orang membanjiri Dewan Hamzah Majlis Perbandaran Klang (MPK) untuk meraikan Program Khas Mesra Rakyat (PKMR) Daerah Klang bersama Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Dari awal pagi lagi, hadirin menyertai pelbagai aktiviti kesukanan seperti pertandingan Futsal dan pertandingan Bola Jaring. Penduduk turut diraikan dengan persembahan Kumpulan Cembuling Warisan Era Baru dari Kampung Bukit Kapar serta Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Program seperti ini dian-

jurkan bertujuan merapatkan hubungan antara pimpinan Kerajaan Negeri dan penduduk setempat. Hadirin turut mengambil kesempatan itu untuk berdialog dan mendengar pembentangan wawasan Kerajaan Negeri.

"Kami akan mencuba se-daya upaya mengurangi hal birokrasi atau soal 'remeh-temeh'.

"Oleh itu semasa sesi bersama rakyat pada pagi ini hingga ke petang, kerajaan negeri mahu mendengar segala masalah dan

kehendak anda semua selain menjelaskan pelbagai program serta skim bantuan kepada rakyat pelbagai peringkat," kata Abdul Khalid.

Turut turun-padang bersama rakyat adalah Exco Iskandar Abdul Samad, Exco Datuk Teng Chang Khim, Exco Rodziah Ismail Exco Dr Daroyah Alwi, Exco Dr Halimah Ali, Adun Meru Dr Abdul Rani Othman dan Ahli Parlimen Kapar Manivanan Gowin.



Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafiih Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afif Redzuan: afifredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazlibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu_tvs@yahoo.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com

Razaly azam bangunkan Dusun Tua destinasi pelancongan popular

OLEH HAFIZAN TAIB

Kemajuan aktiviti pelancongan di DUN Dusun Tua akan dipertingkatkan dengan harapan ia dapat membantu mengangkat taraf ekonomi penduduk di situ apabila ia menjadi tumpuan masyarakat tempatan dan luar, kelak.

Status Hulu Langat sebagai lokasi perkelahan, akan dimanfaatkan sebaik-baiknya dalam rancangan pembangunan DUN Dusun Tua, dengan fokus untuk menarik penyertaan penduduk setempat dalam aktiviti ekonomi yang diwujudkan di situ.

“Antara usaha dijalankan ialah pembangunan chalet dan rumah inap (homestay) oleh kumpulan pengusaha di sini, tetapi tidak dijalankan secara tersusun.

“Kita nak supaya usaha ini dilakukan dengan menarik dan kemas. Untuk itu saya sudah berbincang dengan Exco Pelancongan, Elizabeth Wong,

“

Ladang penanaman durian akan menghasilkan buah berkualiti tinggi supaya mampu dipasarkan dengan meluas. Untuk tujuan komersil pula, kita sedang kaji untuk wujudkan pusat pasaran di kawasan pelancongan dan tumpuan orang ramai

supaya satu perjumpaan dengan pengusaha chalet dan rumah inap diadakan bagi perbincangan lanjut.

“Kita nak lihat apa yang boleh dilakukan bagi membantu mereka dan juga sebaliknya,” jelas Adun Dusun Tua, Razaly Hassan.

Di sekitar DUN Dusun Tua sahaja ada lima kawasan yang menarik kehadiran pengunjung dari dalam dan luar Selangor, seperti Air Terjun Sungai Gabai, Hutan Lipur Sungai Congkak, Gunung Nuang, Kolam Air Panas Batu 5 1/2 Dusun Tua dan Menara Tinjau.

Selain itu, Razaly turut melihat pertanian secara kecil-kecilan sebagai satu lagi peluang untuk dimanfaatkan penduduk setempat.

“Kawasan tanah dimiliki Kerajaan Negeri juga masih banyak di sini. Kebanyakan dusun diusahakan penduduk sejak puluhan tahun juga dalam tanah milik kerajaan. Kita akan adakan pertemuan dengan mereka.

“Kita akan hasilkan buah durian berkualiti tinggi supaya mampu dipasarkan dengan meluas. Untuk tujuan komersil pula, kita sedang kaji un-



RAZALY HASSAN ADUN DUSUN TUA

Umur : 62 Tahun

Tarikh Lahir : 31 Mei 1952

Tempat Lahir : Kampung Batu 10,
Cheras, Kajang, Selangor.

Nama Isteri : Nor Zaharatu Laili binti
Abdul Latif

Jawatan dalam parti:

Yang Dipertua PAS Kawasan Hulu
Langat.

tuk wujudkan pusat pasaran di kawasan pelancongan dan tumpuan orang ramai. Ia akan dibincangkan dengan Exco berkaitan,” katanya.

Durian Hulu Langat di DUN Dusun Tua terkenal sebagai satu produk kegemaran masyarakat tempatan.

Bagi menjayakan rancangan itu, Razaly menyedari banjir yang kerap melanda DUN Dusun Tua seperti di Kampung Batu 9 dan Kampung Sungai

Serai harus ditangani segera.

“Saya sudah berbincang dan menjalankan usaha penambahbaikan bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor.

Sekarang hampir 80 peratus laluan jalan raya, sistem perparitan sudah ditukar dan dibaiki di kawasan berkaitan,” jelasnya.

Laluan trafik akan turut dile-

barkan dan lori yang keluar masuk juga akan dikawal bagi memastikan kelancaran trafik dalam kawasannya.

“Dalam satu hari kira-kira 600 lori kuari keluar masuk dari Jalan Sungai Long di Sungai Serai.

“Bermula Disember tahun lalu semua lori ini tidak dibenarkan menggunakan laluan keluar masuk mulai jam 7 hingga 9 pagi dari Isnin hingga Jumaat iaitu ketika waktu puncak,” katanya.

Menyentuh mengenai pembangunan belia pula, Razaly berharap dapat melahirkan jaguh sepak takraw dari DUN Dusun Tua.

“Ada permintaan untuk saya mengaktifkan sepak takraw di sini kerana saya pernah bergiat sebagai pemain dan juga bekas jurulatih belia Selangor pada 1990an dulu,” katanya yang juga abang kepada bekas pemain sepak takraw negara, Raziman Hassan.

Razaly sering turun padang dan tidak kekok bertemu & berinteraksi dengan penduduk setempat, bagi mengetahui permasalahan mereka



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

KENYATAAN

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
1	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-322/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN 1, 2, 3, 4, 5 DAN 6, JALAN KEMENSAH HEIGHT, JALAN L2, L3 DAN L4, TAMAN KEMENSAH HEIGHT, HULU KELANG, SELANGOR.				
2	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-323/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN 2, JALAN 3, JALAN 4, JALAN 4A, JALAN 4B, JALAN 4C, JALAN 4D, JALAN 4E, JALAN 4G, JALAN 4J, JALAN 4K, JALAN 5, JALAN 6, JALAN 7, JALAN 8 DAN JALAN 10, TAMAN AMPANG JAYA, AMPANG, SELANGOR.				
3	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-324/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN GRANDVIEW, JALAN ANGGERIK, JALAN MAWAR, JALAN MELUR, JALAN CEMPAKA, JALAN DAHLIA, JALAN KENANGA, JALAN TERATAI, JALAN DEDAP, JALAN KANTAN, TAMAN UDA JAYA DAN JALAN WIRA 1, JALAN WIRA 2, JALAN WIRA 3, JALAN WIRA 4, TAMAN PERWIRA, AMPANG, SELANGOR.			MULAI : 30/04/2014 (RABU)	
4	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-325/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DENGAN KAEDAH "MILL & PAVE" SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN CHERAS HARTAMAS, TAMAN CHERAS, HARTAMAS, AMPANG, SELANGOR .			JAM : 2.30 PETANG	
5	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-326/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN TERATAI 1/1 JALAN 1/2, JALAN 1/2H, JALAN TERATAI 2/1, JALAN TERATAI 2/2, JALAN TERATAI 2/3, JALAN TERATAI 2/4, JALAN TERATAI 2/7, JALAN TEARATAI 2/7A, JALAN TERATAI 2/7B, JALAN TERATAI 2/7C, JALAN TERATAI 2/7D DAN JALAN TERATAI 2/7G, TAMAN BUKIT TERATAI, AMPANG, SELANGOR .	KOD BIDANG BARU : BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G3 & KATEGORI CE & PENGKUSUSAN CE01 & CE21 & PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) OLEH CIDB & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	Taklimat dan Lawatan tapak. (Kehadiran adalah diwajibkan) TAKLIMAT: TARIKH : 30/4/2014 (RABU) MASA : 10.30pagi TEMPAT : AUDITORIUM, ARAS 5, MPAJ LAWATAN TAPAK: Akan diberitahu pada masa taklimat dijangkakan Nota: Dokumen tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.	MULAI : 30/04/2014 (RABU) JAM : 2.30 PETANG Bahagian Ukur Bahan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Tingkat 16 Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur Nota: Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL : 1) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB 2) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB 3) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) 4) Surat Wakil Kuasa serta satu salinan pendua sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.	TARIKH TUTUP : 14/05/2014 (RABU) Aras 4 Menara MPAJ Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur
6	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-327/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN DAGANG, JALAN DAGANG 1A, JALAN DAGANG 2, JALAN DAGANG 3, JALAN DAGANG 4, JALAN DAGANG 5, JALAN DAGANG 6, JALAN DAGANG 7, JALAN DAGANG 9, JALAN DAGANG 11, LORONG DAGANG 3A, LORONG DAGANG 9, LORONG DAGANG 9A, LORONG DAGANG 11A, JALAN HALAMAN 3A, TAMAN DAGANG JAYA, AMPANG SELANGOR.				
7	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-328/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN KOSAS 2/1, JALAN KOSAS 2/2, JALAN KOSAS 2/3, JALAN KOSAS 2/4, JALAN KOSAS 2/5, JALAN KOSAS 2/6, JALAN KOSAS 2/7, JALAN KOSAS 2/8, JALAN KOSAS 2/9, JALAN KOSAS 2/10, JALAN KOSAS 2/11 DAN JALAN KOSAS 2/13, TAMAN KOSAS, AMPANG, SELANGOR.				
8	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-329/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN MENGGUNAKAN KAEDAH "MILL & PAVE" SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN 1, TAMAN TAR, AMPANG, SELANGOR.				
9	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-330/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN INDAH, JALAN INDAH 2, JALAN INDAH 3, JALAN INDAH 4, JALAN INDAH 5, JALAN INDAH 6, JALAN INDAH 7, JALAN INDAH 8, JALAN INDAH 9, JALAN INDAH 10, JALAN INDAH 11, JALAN INDAH 12, JALAN INDAH 13, JALAN INDAH 14, JALAN INDAH 15, JALAN INDAH 16, JALAN INDAH 17, JALAN INDAH 18, JALAN INDAH 19, JALAN INDAH 20, JALAN INDAH 21, JALAN INDAH 22, TAMAN CHERAS INDAH, AMPANG, SELANGOR.				

- Setiap dokumen tender dijual dengan harga **RM 100.00**. Wang pembayaran tidak akan dikembalikan
- Dokumen Meja Tawaran dipamerkan mulai **30 APRIL 2014** di Bahagian Ukur Bahan Tingkat 16, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah Selangor 55100 Kuala Lumpur pada waktu pejabat.
- Bayaran dalam bentuk Wang Tunai / Deraf Bank di buat atas nama **YANG DI PERTUA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**.
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT YANG DILEKATKAN ATAU DIGAM** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
- Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Wakil yang hadir ke lawatan tapak, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat
- Petender diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak.
- Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **14 MEI 2014**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-4296 8092, 03-4296 3695 dan 03-42974424.

Disediakan oleh:
(FAUZIAH BINTI JAAFAR)
Penolong Jurukur Bahan
Bahagian Ukur Bahan,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh:
(MASTURA BINTI ISHAK)
Ketua Bahagian
Bahagian Ukur Bahan,
b/p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Kerajaan Selangor iktiraf sumbangan pekerja



Pekerja instrumen penting menjana ekonomi negara

SHAH ALAM - Sebagai mengiktiraf pengorbanan pekerja yang memacu enjin pembangunan, Kerajaan Negeri memperhalus agenda pro-rakyat khusus untuk menaikkan taraf hidup golongan itu.

Dari skim bantuan melalui Merakyatkan Ekonomi Selangor hingga ke pelaburan jutaan ringgit untuk mewujudkan persekitaran kediaman yang harmoni, Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata jasa mereka akan dibayar dengan komitmen kepada urus tadbir yang telus, berintegriti dan bebas rasuah.

"Kita akui bahawa setiap pekerja sama ada bergaji bulanan, mingguan atau harian malah berstatus tetap atau sementara berganding bahu berusaha demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

"Kerajaan Negeri menzahirkan rasa simpati terhadap golongan pekerja berpendapatan rendah yang menanggung kos sara hidup melambung, nilai wang menyusut dan kadar upah meningkat pada kadar sangat perlahan," kata Abdul Khalid, menerusi kenyataan media.

Beliau menjelaskan langkah Kerajaan Negeri menaikkan paras garis kemiskinan (PGK) kepada RM1,500 sebulan mendorong pentadbirannya untuk melihat semula keberkesanan program-program sedia-ada.

Melalui itu, Abdul Khalid berharap semua pihak menyedari ba-

hawa kemiskinan di Selangor belum dapat dibasmi sepenuhnya. Hakikat itu tidak dibantu dengan proses rasionalisasi subsidi yang telah melonjakkan kadar inflasi.

"Dengan PGK lebih tinggi ini, dianggarkan 30% rakyat Selangor hidup di bawah garis kemiskinan dan layak menerima bantuan. Ini juga memberi impak kepada jumlah peruntukan Kerajaan Negeri bagi program membasmi kemiskinan," jelasnya.

Selain daripada merumuskan dasar yang dipadankan kepada pekerja individu, Kerajaan Negeri menyedari kebajikan keluar-ga mereka juga perlu dipelihara.

Bersesuaian dengan tema 'Memelihara Kebajikan Hingga Ke Akhir Hayat', Kerajaan Negeri menawarkan program latihan teknikal khusus bagi belia dalam bidang perpaipan dan elektrik supaya pendapatan isi rumah di Selangor mencecah sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan.

Selain itu, satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk mengkaji dan mengenal pasti wajah baru projek perumahan rakyat di Selangor yang majoritinya didiami golongan pekerja berpendapatan rendah.

"Usaha ini termasuk membaikpulih dan menyelenggara bangunan, kemudahan awam seperti lif, dewan serbaguna, taman permainan, pusat kutipan sampah dan sebagainya serta memelihara persekitaran di kawasan PPR," katanya.



Lee, memberi penerangan kepada masyarakat dan anak-anak Orang Asal tentang pentingnya pelajaran

Kelas percuma bantu anak Orang Asal

SHAH ALAM - Anak-anak Orang Asli di Kampung Orang Asli Buluh Telor (KOABT), Kuala Kubu Bharu kini berpeluang menyertai kelas tambahan percuma setiap hujung minggu di bawah program Impian Malaysia.

Program perintis dinamakan Kelas Maju Diri dan Jalinan Kasih itu adalah inisiatif pertama Impian Malaysia DAP di Selangor, dengan kerjasama NGO Pertubuhan Amal Seri Sinar (PASS) dan dijalankan setiap Sabtu dan Ahad, jam empat hingga enam petang.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong berkata, objektif program adalah membantu anak-orang Asli yang keciciran dan membangkitkan minat mereka dalam pelajaran.

"Banyak anak Orang Asli yang hanya belajar setakat sekolah rendah. Mereka sukar memahami pelajaran di sekolah, maka kurang berminat untuk teruskan ke peringkat lebih tinggi.

"Sebab itu, program ini bukanlah sekadar kelas tuisyen biasa. Kita cuba bangkitkan minat mereka melalui permainan perkembangan minda agar ia lebih menyeronokkan. Kita ingin lihat lebih ramai di kalangan mereka yang berjaya dalam pelajaran," katanya dipetik Rokatini.

“

Kita berharap agar program ini berjaya dan jika ada permintaan, kita akan timbang untuk buat di tempat lain pula

LEE KEE HIONG
Adun Kuala Kubu Bharu

"Kajian menunjukkan sukatan pelajaran di sekolah tidak sesuai dengan anak-anak Orang Asli. Perlu ada ko-kurikulum yang khusus untuk mereka," katanya lagi.

Katanya lagi, program itu dilancarkan 13 April lalu dan peringkat pertama akan berjalan selama tiga bulan.

"Selepas itu, kita akan buat penilaian dan sediakan laporan kepada penaja iaitu PASS agar mereka teruskan sumbangan.

"Kita berharap agar program ini berjaya dan jika ada permintaan, kita akan timbang untuk buat di tempat lain pula," katanya lagi.

Katanya lagi, dana diperlukan untuk elau tenaga pengajar, barangan keperluan seperti meja dan alat pembelajaran serta makanan dan minuman untuk pelajar.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

KENYATAAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dalam bidang atau Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
10	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-331/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN 2, JALAN 2A DAN JALAN 4, PANDAN INDAH, AMPANG, SELANGOR.			MULAI : 30/04/2014 (RABU) JAM : 2.30 PETANG	
11	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-332/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PANDAN INDAH 4/7, JALAN PANDAN INDAH 4/9, JALAN PANDAN INDAH 4/11, JALAN PANDAN INDAH 4/11A, JALAN PANDAN INDAH 4/15, JALAN PANDAN INDAH 4/16, JALAN PANDAN INDAH 4/18, JALAN PANDAN INDAH 4/25, JALAN PANDAN INDAH 4/27, JALAN PANDAN INDAH 4/29, JALAN PANDAN INDAH 4/30, JALAN PANDAN INDAH 4/31 DAN JALAN PANDAN INDAH 4/32 PANDAN INDAH, AMPANG, SELANGOR.	KOD BIDANG BARU : BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G3 & KATEGORI CE & PENGKUSUSAN CE01 & CE21 PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) OLEH CIDB & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	Taklimat dan Lawatan tapak. (Kehadiran adalah diwajibkan) TAKLIMAT : TARIKH : 30/4/2014 (RABU) MASA : 10.30pagi TEMPAT : AUDITORIUM, ARAS 5, MPAJ	Bahagian Ukur Bahan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Tingkat 16 Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur	TARIKH TUTUP : 14/05/2014 (RABU) Aras 4 Menara MPAJ Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100, Kuala Lumpur
12	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-333/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DENGAN KAEDAH "MILL & PAVE" SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN WAWASAN, BANDAR BARU AMPANG, AMPANG, SELANGOR.			LAWATAN TAPAK: Akan diberitahu pada masa taklimat dijalankan	1) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB 2) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB 3) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) 4) Surat Wakil Kuasa
13	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-334/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DENGAN KAEDAH "MILL & PAVE" SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH, AMPANG, SELANGOR.			Nota: Dokumen tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.	serta satu salinan pendua sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.
14	NO TENDER: MPAJ 05/E/02/04-335/14 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN MENGGUNAKAN KAEDAH "MILL & PAVE" SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN MELAWATI 1 DAN MELAWATI 3, TAMAN MELAWATI, HULU KELANG, SELANGOR.				

- Setiap dokumen tender dijual dengan harga **RM 100.00**. Wang pembayaran tidak akan dikembalikan
- Dokumen Meja Tawaran dipamerkan mulai **30 APRIL 2014** di Bahagian Ukur Bahan Tingkat 16, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah Selangor 55100 Kuala Lumpur pada waktu pejabat.
- Bayaran dalam bentuk Wang Tunai / Deraf Bank di buat atas nama **YANG DI PERTUA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**.
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT YANG DILEKATKAN ATAU DIGAM** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
- Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Wakil yang hadir ke lawatan tapak, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat
- Petender diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak.
- Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **14 MEI 2014**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-4296 8092, 03-4296 3695 dan 03-42974424.

Disediakan oleh:
(FAUZIAH BINTI JAAFAR)
Penolong Jurukur Bahan
Bahagian Ukur Bahan,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disahkan oleh:
(MASTURA BINTI ISHAK)
Ketua Bahagian
Bahagian Ukur Bahan,
b/p. Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

NOTIS SEBUTHARGA PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Tawaran adalah dipelawa daripada penyebutharga-penyebutharga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta berpengalaman dalam kerja-kerja berkaitan seperti berikut :-

Bil.	No. Sebutharga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebutharga	Kelayakan Penyebutharga	Harga
1.	SH/PTGS/09/2014	Sebutharga Bagi Perluasan Aplikasi SELAMAT Bagi PTD Hulu Selangor, PTD Gombak, PTD Sepang, PTD Kuala Langat, PTD Kuala Selangor Dan PTD Sabak Bernam Serta Lain-Lain Keperluan Bilik Server Bagi Pemasangan Server SELAMAT	Berdaftar dan membawa sijil asal Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 210101/210102/210103/210104/210105/210106 DAN Berdaftar dengan Sistem Kontraktor Negeri Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan mengemukakan pengesahan pendaftaran	PERCUMA

- Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada penyebutharga/wakil yang sah sahaja. Penyebutharga hendaklah membawa surat pendaftaran asal, serta salinan surat pendaftaran untuk rujukan Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Dokumen tawaran adalah percuma dan boleh diperolehi di bahagian seperti yang tertera dibawah mulai 24 April 2014 (KHAMIS) hingga 05 Mei 2014 (ISNIN) :

Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

- Penyebutharga dikehendaki membawa bersama sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor dan Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera (jika bertaraf Bumiputera) daripada Kementerian Kewangan Malaysia serta mengemukakan pengesahan pendaftaran penyebutharga Sistem Kontraktor Negeri Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor semasa pengambilan Dokumen Sebutharga.

- Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti sebutharga di alamat :-

Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tarikh tutup : **05 Mei 2014 (Isnin) jam 12.00 tengahari.**

- Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana - mana tawaran.



▲ Adun Meru, Dr Rani Osman, menziarah Mahanom Sahat, 68 tahun, yang lumpuh dan kini tinggal bersama anak beliau di Jalan Khamis, Meru



▲ Adun Lembah Jaya, Khasim Aziz, bermesra dengan kanak-kanak tadika di Perpustakaan Komuniti Ampang Waterfront, selepas menyampaikan Baucar Skim Bantuan Tadika Selangor

▶
Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni. Kelihatan Adun Chempaka, Iskandar Samad, menyampaikan hadiah kepada pemenang di Pangsapuri Rimba Jaya, Shah Alam; Turut hadir, Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail serta Datuk Bandar Shah Alam Jaafar Atan



▲ Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi beramah mesra bersama pengunjung yang tidak melepaskan peluang mendapatkan perkhidmatan memotong rambut percuma di Ekspo Usahawan dan Kerjaya DUN Jeram



▲ Kempen Jom Baca Bersama 10 Minit, anjuran Kerajaan Negeri Selangor. Kelihatan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib dan isteri, Aliza Jaafar, bersama menjayakan kempen tersebut di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Taman Keramat



Giat Kempen Jom Membaca

SERAMAI 70 orang pelajar Pusat Asuhan Tunas-tunas Islam (Pasti) Ibnu Sina Gombak bersama Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan, menyertai program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit, di pekarangan pusat asuhan PASTI Ibnu Sina, Taman Berjaya Gombak.

Program yang diadakan serentak seluruh negara yang diketuai oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

(PPAS) dengan kerjasama besar-besaran Perpustakaan Awam Negeri-negeri (PAN) bermula jam 10.00 pagi dan berakhir pukul 10.10 pagi.

Hasbullah Ridzwan
Adun Gombak

Hasbullah Ridzwan yang juga Pengerusi PASTI Negeri Selangor berkata, program yang diadakan itu sebagai bukti sokongan padu pusat khidmat DUN dan Pasti kepada usaha murni kerajaan untuk meningkatkan tabiat membaca di kalangan masyarakat.



Haniza Talha
Adun Taman Medan

SMUE ringankan beban waris

ADUN Taman Medan, Haniza Talha, menyerahkan sumbangan khairat kematian SMUE Fasa Pertama kepada sepuluh waris keluarga warga emas yang meninggal dunia.

Penyerahan secara berperingkat ini

diadakan di pejabat DUN Taman Medan.

"Diharap bebanan yang ditanggung oleh waris keluarga sedikit sebanyak dapat dikurangkan setelah menerima wang khairat kematian ini," jelasnya.

Tinjau masalah kecurian kabel



PENDUDUK Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Seri Pulau terkilang kerana perka-das elektrik mereka rosak akibat kecurian kabel utama di Blok B baru-baru ini.

Ng Tien Chee
Adun Balakong

Adun Balakong, Ng Tien Chee yang membuat lawatan bagi membantu Badan Pengurusan Bersama (JMB) untuk memasang pinti gril di semua ketiga-tiga blok rumah pangsa yang

merangkumi 660 petak tersebut.

Ng mengesyaki kecurian tersebut dilakukan penagih dadah dan beliau akan memanjangkan aduan tersebut kepada polis supaya tindakan diambil.

"Saya juga berharap penduduk bayar caj penyelenggaraan. Mereka boleh buat aduan kepada Pesuruhjaya Bangunan sekiranya kerja penyelenggaraan tidak dilakukan," kata Ng.



Gotong-royong perangi denggi

LEBIH 300 peserta hadir dalam Program Gotong-royong Bersepadu Perangi Denggi Peringkat Bandar Baru Bangi.

Program anjuran Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi dengan kerjasama Pejabat Adun Bangi, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat dan Jawatankuasa Surau Al-Is-tiqomah.

Adun Bangi, Shafie Ngah dalam uca-

pan perasmian mengucapkan tahniah kepada penganjur kerana berjaya menghimpunkan ramai peserta.

"Aktiviti gotong-royong ini amat dituntut dalam Islam. Ia dapat merapatkan lagi hubungan silaturahim sesama kita.

"Kehadiran ramai membuktikan masyarakat di sini cakna terhadap bahaya demam denggi," katanya.

Shafie Ngah
Adun Bangi

Stadium hoki dibaik pulih setaraf antarabangsa



Menteri Besar, bersama pimpinan Kerajaan Negeri dan pihak MPK turun padang meninjau keadaan karpet di Stadium Hoki Pandamaran yang rosak

OLEH RAHEEMIE ARIFIN

KLANG - Jabatan Kerja Raya (JKR) diminta untuk menilai kos penambahbaikan Stadium Hoki Pandamaran Klang bagi kerja-kerja naik taraf.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata kos naik taraf dijangka mencecah RM2.5 juta.

“Kerajaan Negeri ingin menaik taraf Stadium Hoki Pandamaran Klang dan Stadium Hoki Petaling Jaya seperti stadium hoki antarabangsa.

“Ini di sebabkan kedua-dua stadium hoki di Selangor tidak dalam keadaan memuaskan,” kata Abdul Khalid di sidang me-

dia Program Khas Mesra Rakyat (PKMR) Daerah Klang di Dewan Hamzah Majlis Perbandaran Klang (MPK) baru-baru ini.

Abdul Khalid berkata, Stadium Hoki Pandamaran yang dibina pada 1984 hanya ditukar karpet padang hoki itu pada 1998.

“Jadi 16 tahun tidak di selenggara, dalam masa dua bulan ini proses tender akan dibuka dan penganugerahan tender ini akan dilakukan,” katanya.

Beliau sebelum itu dibawa meninjau keadaan stadium bersama-sama Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali.

Dengan ada CCC ▶

Taman Indah 2
SEKINCHAN
Pembangunan Campuran di
SEKINCHAN

3-Tingkat Semi-D

Untuk Bumiputra Sahaja
7% Diskaun

2 1/2 - Tingkat Rumah Link

Map Lokasi

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

+603-3241 2996

En. Chow : 012-372 6198
Heng Soon : 016-626 7522

Pemaju: **ALPHA INTAN SDN. BHD.**
(Wholly Owned Subsidiary of JIALAND SDN. BHD.) Cg. No. 13883-X

Pejabat Jualan:
Lot 125, Jalan Perusahaan 2, Off Jalan Bemam,
45400 Sekinchan, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel / Faks : 603-3241 2996

Kontraktor Utama:
JIALAND SDN. BHD.
嘉聯發展有限公司 Cg. No. 38478-D

Ibu Pejabat:
No. 40-B, Jalan Datuk Sulaiman, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 603-7722 2996 / 997 Fax : 603-7728 5998

Member of
REHDA

Tidak haramkan bahan agama bukan Islam di hotel

KLANG - Kerajaan Selangor tidak berhasrat untuk mengharamkan bahan bacaan agama bukan Islam dalam premis hotel seperti yang dilaksanakan di negeri jiran, Pahang.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata demikian di sidang media selepas Program Khas Mesra Rakyat (PKRM) Daerah Klang di Dewan Hamzah Majlis Perbandaran Klang (MPK), baru-baru ini.

“Tidak, kami tidak pernah terfikir tentang perkara itu pun,” katanya.

Sebelum ini, Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Maip) melarang pemilik hotel di negeri itu menempatkan bahan bacaan agama bukan Islam di dalam bilik penginapan pelanggan.

Maip mendakwa tindakan meletak bahan-bahan itu boleh dianggap sebagai perbuatan menyebarkan fahaman agama lain kepada orang Islam.

Wujudkan skim kerja dari rumah



Rodziah bersama peserta gaji pertama skim bekerja dari rumah

OLEH ROZAINI MR

SHAH ALAM - Adun Batu Tiga Rodziah Ismail menjalin kerjasama dengan syarikat Yeoh Heng Team Trading (YHTT) untuk menawarkan skim bekerja dari rumah, khusus untuk membantu menambah pendapatan seisi rumah.

Rodziah menjelaskan melalui skim itu, golongan sasar seperti suri rumah, ibu tunggal, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan keluarga berpendapatan rendah membantu usahawan menyiapkan produk.

Pihak syarikat akan menghantar bahan mentah seperti garam atau halia, atau komponen elektrik tertentu, atau pelekat produk ke rumah-rumah untuk dikisar sebagai ramuan atau dipasang ke dalam produk.

“Jika disebarkan, apa yang dimulai ini boleh jadi budaya memasyarakatkan

kebijakan rakyat oleh golongan usahawan dan mampu beri impak kepada kualiti hidup rakyat setempat,” jelas Rodziah.

Hasil kerja peserta akan dikutip secara berkala untuk proses perkilangan selanjutnya. Peserta skim dijangka mampu meraih RM800 sebulan.

Menurut Rodziah, bilangan pekerja dari rumah YHTT mencecah seramai 110 peserta sejak Februari 2014. YHTT mempunyai dua puluh pekerja sepenuh masa di pusat pengoperasiannya di Padang Jawa.

Rodziah Ismail menggesa ahli perniagaan lain untuk mencontohi YHTT dengan menjalin kerjasama bijak bersama anggota masyarakat.

“Sinergi di antara golongan perniagaan dan anggota masyarakat sedemikian adalah suatu mekanisme yang berkesan dalam pertumbuhan ekonomi negeri Selangor,” tegas Rodziah.

26 cerun sekitar Ampang perlu penyelesaian segera

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), giat menjalankan kerja-kerja penstabilan dan baik pulih cerun di sekitar Ampang bagi mengelakkan kes runtuh batu 28 Oktober lalu berulang-kembali.

Selain itu, MPAJ turut menubuhkan ‘Slope Watch’ yang dianggotai penduduk setempat untuk memantau cerun di kawasan masing-masing.

Adun Teratai, Tiew Way Keng berkata terdapat 53 kawasan cerun yang dikenal pasti dan 26 daripadanya berstatus kritikal.

“MPAJ sudah mohon bantuan daripada Kerajaan Negeri dan bantuan diberi dalam bentuk pinjaman,” kata Way Keng selepas tinjauan cerun di Jalan Teratai 1/2 di Taman Bukit Teratai.

Turut bersama memantau kerja-kerja cerun adalah Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat.

Difahamkan kerja penstabilan dan membaik pulih cerun kawasan terbabit membabitkan kos RM180,000 dan siap dibaiki MPAJ selepas berlakunya runtuh batu di cerun hujung Jalan Teratai 2.

“Dengan adanya penubuh-



Terdapat 53 kawasan cerun yang dikenal pasti dan 26 daripadanya berstatus kritikal

TIEW WAY KENG
Adun Teratai

an ‘Slope Watch’ penduduk setempat yang tinggal berhampiran dengan kawasan cerun, masalah ini mampu diatasi dengan lebih berkesan,” kata Samat.

Rumah Contoh Sedia Dikunjungi

HARMONY VILLA

40' X 85' Semi-D Mewah 2 Tingkat

Menikmati Kehidupan Yang Luas dan Selesa

- Bahan binaan berkualiti tinggi
- 4 bilik tidur and 1 bilik baca
- Setiap bilik bersama dengan bilik mandi

PEMAJU:
SEMARAK CERGAS SDN. BHD. (251693-D)
 Lot 1-14 & 1-15, Kompleks PKNS Kuala Selangor, Jalan Perusahaan 1,
 45000 Kuala Selangor, Selangor.

Hubungi: 03-3289 1918 / 1919
 Pejabat urusan dibuka setiap hari 9.30 pagi - 5.00 petang

No. lesen pemaju: 11966-1/03-2015/346. tempoh valid: 19/03/2012-18/03/2015. No permit iklan dan jualan: 11966-1/1231/2013(05) tempoh valid: 9/10/2013-21/05/2015. Bebanan tanah: Maybank Bhd. Tempoh hak milik: 99 tahun (hingga tahun 2111). Pihak kelulusan Pelan pembinaan: MDKS. No kelulusan pelan Pembina.: 280/3/7/2011-94 untuk 54 units (fasa 1) 40' x 85' semi-D 2 tingkat. Harga minimum: RM558,225. harga Maksimum: RM879,526. Diskaun 7% untuk bumiputera. Tarikh jangkaan siap dibina (fasa 1): October 2014. Sekatan kepentingan: Tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Penjadualan semula kaunter perkhidmatan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) melakukan penjadualan semula kaunter perkhidmatan berkuat kuasa mulai Mei ini selaras dengan komitmen menjayakan misi Ke Arah Kaunter Sifar.



MPSJ memaklumkan penjadualan juga dilakukan bagi memperkasa ICT sebagai tonggak penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan kepelbagaian urusan.

“Penjadualan semula yang dibuat menyebabkan Kaunter Perkhidmatan hanya akan beroperasi pada cuti hujung minggu pada bulan-bulan tertentu.

“Dengan perubahan waktu operasi ini, Kaunter Perkhidmatan MPSJ tidak lagi beroperasi pada setiap hari Sabtu seperti biasa tetapi akan beroperasi pada bulan-bulan yang ditetapkan,” memetik kenyataan Jabatan Korporat MPSJ.

Sehubungan itu, para pelanggan disyorkan menggunakan mesin kiosk di ibu pejabat MPSJ atau layari laman sesawang MPSJ di www.mpsj.gov.my untuk membuat semakan dan bayaran cukai takhsiran, kompaun trafik, pembaharuan lesen perniagaan tanpa risiko dan lain-lain perkhidmatan secara online.

Sebelum ini, kaunter perkhidmatan MPSJ dibuka pada setiap Sabtu setiap minggu bermula jam 9 pagi hingga 1 tengah hari sementara pada bulan Februari dan Ogos, kaunter turut dibuka pada hari Ahad.

MPK anjur program peliharaan hutan



Kakitangan MPK menunjukkan cara betul menanam pokok kepada peserta program Hutan Kita

PERTANYAAN

Call Center MPSJ
03-8024 7700
www.mpsj.gov.my



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembinaan)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Gred, Kategori, Pengkhususan	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Cadangan Menaiktaraf, Ubahsuai Dan Baikpulih Maahad Integrasi Tahfiz & Turoth Bagan Terap, Daerah Bernam, Selangor. JKR/SEL(N) 011(T)/2014	T1 <i>Kontraktor Diwajibkan Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor</i>	Bumiputera	CIDB Gred : G5 Kategori : B Pengkhususan: B04	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. Pada 5.5.2014 (Isnin) Sehingga 19.5.2014 (Isnin)	Lawatan Tapak WAJIB pada 5.5.2014 (Isnin) Jam 10.00 pagi. Kontraktor diminta berkumpul di Pejabat Jurutera Daerah Sabak Bernam. Sebarang Pertanyaan : 03-55447756	RM360.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor 28.5.2014 (Rabu) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di / Lembaga Pembinaan Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- *Jenis Pendaftaran:
- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
 - A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
 - A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
 - T2 - Tidak berkenaan

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Bagi memupuk kesedaran di kalangan masyarakat mengenai kepentingan alam semula jadi, Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengambil inisiatif menganjurkan Program Hutan Kita.

Pengarah Jabatan Korporat dan Kemasyarakatan MPK, Zaireezal Ahmad Zainudin, berkata, MPK melalui Jabatan Taman Dan Rekreasi sememangnya komited dalam aspek kehijauan setempat.

Katanya, ia merangkumi penanaman pokok untuk keindahan Bandar Diraja dan pada masa yang sama komited dalam usaha melestarikan kawasan sekitar.

“Sehingga kini, program Hutan Kita berkembang ke seluruh negara dengan penglibatan di kawasan sekolah, hospital, taman rekreasi dan hutan paya bakau,” katanya.

Program yang dianjurkan bersama Landskap Malaysia di Taman Rakyat, Klang itu menitikberatkan bahawa hutan merupakan satu khazanah alam yang penting terutama kepada generasi akan datang.

Zaireezal berkata, Program Hutan Kita juga bertindak sebagai ‘green lung’ bagi mengimbangi pembangunan kawasan bandar.

“Program ini bertujuan untuk menyokong komitmen kerajaan pada Persidangan Iklim di Copenhagen pada 2009 untuk mengurangkan 40 peratus karbon dioksida menjelang 2020 dan kempen menanam 26 juta pokok menjelang 2014,” katanya.

Hadir sama pada program itu, Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Cham Khim; Setiausaha MPK, Ehsan Mukri dan Penguurus Besar Landskap Malaysia, Othman Sulieman.

1,000 dijangka sertai kayuhan 160 km

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Orang ramai di-ajak untuk menyertai Program Kayuhan 'Shah Alam Endure Ride 2014' yang akan berlangsung, 18 Mei depan.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan, berkata peserta akan berkayuh sejauh 160 kilometer bermula di Taman Sukan Lasak (Extreme Park) Shah Alam dan melalui daerah Klang, Gombak dan Kua-

la Selangor.

"Kali ini kita melibatkan tiga pihak berkuasa tempatan (PBT), mungkin pada masa hadapan kita melibatkan kesemua 12 PBT di seluruh Selangor.

"Kita mahu ini menjadi acara tahunan yang besar untuk semua dalam usaha mewujudkan budaya hidup sihat di kalangan masyarakat di negeri ini, khususnya Shah Alam," katanya pada sidang media di Galeri Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).



Wanita Terbuka

(18 tahun ke atas)

Lelaki Master

(36 tahun ke atas)

Lelaki Senior Master

(46 tahun ke atas)

Lelaki Terbuka

(35 tahun ke bawah)

Lelaki Junir

(bawah 18 tahun)

PENDAFTARAN SHAH ALAM ENDURE RIDE 2014

Yuran penyertaan : RM100

Pendaftaran boleh dibuat atas talian di :

<http://sportsmanagement.my/ser2014>.

Pertanyaan ?

Hubungi urusetia pertandingan: Jaid Idham (012-3706636), Azreen Naim (019-2576897) atau wakil Persatuan Lumba Basikal Selangor, Ariffin Mohd Salleh (013-3822427)

Bas percuma ke PPAS

SHAH ALAM - Warga Shah Alam kini berpeluang menggunakan perkhidmatan pengangkutan bas secara percuma ke Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) yang terletak di Seksyen 13.

Timbalan Pengarah Korporat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata perkhidmatan yang mula beroperasi itu juga adalah sebahagian tanggungjawab sosial dan keprihatinan pihaknya dalam menyediakan kemudahan buat warga kota.

"Kita prihatin dengan keperluan pengangkutan ke PPAS, khususnya cuti sekolah atau hujung minggu.

"Pada waktu ini selalunya bilangan pengunjung bertambah, jadi perkhidmatan bas percuma pasti membantu," katanya dalam satu kenyataan media.

MBSA menyediakan bas mini jenis 'coaster' yang boleh memuatkan seramai 16 orang penumpang pada satu masa dan akan beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad setiap

minggu.

Bas itu akan menunggu penumpang di pekarangan tempat letak kereta Pasaraya Ole-Ole, Seksyen 18 pada jam 10.00 pagi dan 2.00 petang dan akan melalui beberapa lokasi tumpuan seperti Stesen Komuter, Seksyen 19, Kompleks PKNS, dan Pangsapuri Perdana, Seksyen 13.

Sejak awal Mac lalu, MBSA turut menyediakan perkhidmatan bas percuma yang bermula di Hentian Pusat Bandar, Seksyen 14 dan akan melalui beberapa seksyen seperti 2, 7, 11, 16, 17 dan 18.

Perkhidmatan itu juga beroperasi tiga kali sehari dari Hentian Pusat Bandar, Seksyen 14 pada jam 7.30 pagi, 11.30 pagi dan 4.30 petang.

Pertanyaan ? ?

Hubungi: Urusetia Bahagian Pembangunan Masyarakat, Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti MBSA di talian 03-5522 2735



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat yang berdaftar dengan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB) atau KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM) bagi kerja-kerja berikut :-

Bil	Tajuk Kerja	Kod bidang	Tarikh Tutup
1	No.Tender : MBPJ/TD/K/20/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan SS 23/10, SS 23/10A, SS 23/10B, SS 23/10C, SS 23/39, SS 23/37, SS 23/12A, SS 23/35, SS 23/33, SS 23/31, SS 23/29, SS 23/27, SS 23/25, SS 23/23 dan SS 23/21, Petaling Jaya	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhurusan berdaftar : CE 01, CE 21 & CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	19 Mei 2014 (Isnin)
2	No.Tender : MBPJ/TD/K/21/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan 4/33, 4/35, 4/37, 4/39, 4/41, 4/42, 4/43, 4/44, 4/46, Lorong 4/48A, Lorong 4/48B, Lorong 4/48C, Lorong 4/48D, Lorong 4/48E, Lorong 4/48F dan Lorong 4/48G, Seksyen 4, Petaling Jaya.	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhurusan berdaftar : CE 01, CE 21 dan CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	19 Mei 2014 (Isnin)
3	No.Tender : MBPJ/TD/K/22/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan SS 3/3, SS 3/4, SS 3/5, SS 3/6, SS 3/7, SS 3/8, SS 3/10, SS 3/11, SS 3/12, SS 3/13, SS 3/14, SS 3/14A, SS 3/15, SS 3/16, SS 3/18, SS 3/20, SS 3/22, SS 3/24, SS 3/26, SS 3/26A, SS 3/28, SS 3/30, SS 3/32, dan SS 3/34, SS 3, Petaling Jaya	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhurusan berdaftar : CE 01, CE 21 dan CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	19 Mei 2014 (Isnin)
4	No.Tender : MBPJ/TD/K/23/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan PJS 4/27A, PJS 3/2 dan Jalan Medan 11, PJS 4, Petaling Jaya	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhurusan berdaftar : CE 01, CE 21 dan CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	19 Mei 2014 (Isnin)
5	No.Tender : MBPJ/TD/K/24/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan PJU 10/1, PJU 10/3, PJU 10/3C, SD 9/5, SD 10/1, SD 10/2, Jalan Kiara 11/31, SD 13/2 dan Persiaran Cemara, PJU 9 dan PJU 10, Petaling Jaya	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhurusan berdaftar : CE 01, CE 21 dan CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	19 Mei 2014 (Isnin)
6	No.Tender : MBPJ/TD/K/25/2014 Cadangan menurap semula jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan SS 1/24, SS 1/24A, SS 1/24B, SS 1/27, SS 1/29, SS 1/31, SS 1/33, SS 1/35, SS 1/37, Lorong SS 1/39A, SS 1/41, SS 1/41A dan SS 1/43, Kawasan SS 1, Petaling Jaya	CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhurusan berdaftar : CE 01, CE 21 dan CE 42 Harga Dokumen : RM 100.00	19 Mei 2014 (Isnin)
7	No.Tender : MBPJ/TD/B/26/2014 Cadangan membekal dan menghantar Bahan Kimia untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tempoh 2014 dan 2015 (Tawaran Semula).	KKM Kod Bidang : 060101 / 060102 Harga Dokumen : RM 50.00	19 Mei 2014 (Isnin)
8	No.Tender : MBPJ/TD/P/27/2014 Cadangan perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata untuk tugas mengawal dan meronda di Kompleks Sukan Astaka, Muzium MBPJ, Perpustakaan PJS 4/27A, Perpustakaan dan Pusat It, Kota Damansara dan Klinik MBPJ, Seksyen 8, Petaling Jaya bagi tempoh 6 bulan + 6 bulan + 1 tahun	KKM Kod Bidang : 220801 Harga Dokumen : RM 50.00	26 Mei 2014 (Isnin)

Taklimat adalah diwajibkan bagi No.Tender : MBPJ/TD/K/27/2014. Kontraktor-kontraktor yang berminat hendaklah berkumpul di Tingkat 1, Bilik Bunga Raya, Ibu Pejabat MBPJ Jalan Yong Shook Lin 46675 Petaling Jaya pada 5 Mei 2014 (Isnin) jam 9.30 pagi. Dokumen tender akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.

Keterangan lanjut dan borang tawaran boleh didapati pada waktu pejabat di Bahagian Bekalan dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya. Setiap permohonan dokumen tawaran hendaklah disertakan dengan Wang Tunai / Wang Kiriman Pos / Bank Draf atas nama DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA sebagai bayaran dokumen yang tidak akan dikembalikan.

Tarikh tutup tawaran adalah seperti diatas pada jam 12.00 tengahari di Bahagian Bekalan dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Hanya pegawai-pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti di dalam sijil dibenarkan mengambil atau memberi kuasa kepada kakitangan syarikat untuk mengambil dokumen tender. Kontraktor / wakil hendaklah membawa bersama SIJIL ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB) DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) ATAU SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM) SERTA PERAKUAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN).

Majlis Bandaraya ini tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran. Mana-mana tender yang diterima selepas tarikh tutup yang ditetapkan di atas akan ditolak dan tidak akan dikembalikan.

PENGUMUMAN

Maklumat mengenai pengiklanan tender juga boleh dilihat melalui paparan laman web MBPJ (<http://www.mbpj.gov.my>)

Jom niaga di Bazar Ramadan!



OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan mengeluarkan borang permohonan permit Bazar Ramadan bermula 2 Mei hingga 30 Mei.

Pengarah Jabatan Korporat dan Kemasyarakatan, Zaireezal Ahmad Zainuddin (**gambar**), mengalu-alukan usahawan berminat untuk memohon salah satu daripada

49 tapak dan 4,000 petak yang disediakan.

"Peniaga yang berminat boleh dapatkan borang permohonan di kaunter Dewan Hamzah dan menyediakan beberapa dokumen termasuk mempunyai lesen atau perniagaan sedia ada.

"Kadar bayaran bagi tapak jualan makanan RM150 dan RM130 (jika melibatkan tapak pasar malam) dan bayaran

tambahan sebanyak RM60 kepada peniaga yang menjual air tebu dan kelapa," katanya.

Pemohon perlu menunjukkan bukti suntikan typhoid (TY2) dan bayaran permit atau perniagaan sedia-ada semasa menghantar borang, serta wajib menghadiri ceramah kesihatan yang diadakan.

Bagi Bazar Ramadan Jalan Taiping, sebanyak 400 petak disediakan dan undian akan di-

jalankan sebanyak dua peringkat, iaitu undian saringan bagi menentukan peniaga yang layak untuk undi petak pada 23 Jun, manakala undian untuk menentukan nombor petak akan diadakan pada 27 Jun 2014

Menurutnya, bayaran sebanyak RM923 dikenakan kepada peniaga yang menjalankan perniagaan di Jalan Taiping dan ia perlu dibayar secara tunai.

KENYATAAN TENDER PRA-KELAYAKAN



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

Pra-Kelayakan adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

CADANGAN PEMBINAAN 236 UNIT PANGSAPURI SERVIS FASA 2, SEKSYEN 6, TAMAN SAINS SELANGOR 2, SELANGOR DARUL EHSAN

NO. KONTRAK : PKNS/JKWS/SSP2/KON-1/2014

No.	Perkara	Huraian
1.	Skop Kerja	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja Awalan 2. Kerja-kerja Cerucuk 3. Kerja-kerja Bangunan 4. Kerja-kerja Mekanikal & Elektrikal 5. Kerja-kerja Infrastruktur 6. Kerja-kerja Landskap 7. Kerja-kerja lain yang berkaitan
2.	Syarat-syarat Pra-Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Syarat pendaftaran adalah berdaftar dengan CIDB Gred G7 Pengkhususan B04, CE21 2. Perakuan Pendaftaran Kontraktor Bertaraf Bumiputera dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB dari memasuki tender tidak layak untuk memasuki Pra-Kelayakan) 3. Mempunyai Pengalaman 'Classic' atau 'CONQUAS' bagi projek perumahan 4. Mempunyai pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah : <ol style="list-style-type: none"> i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008) ii) Amalan kerja yang baik berkaitan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001:2007) iii) Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004) (Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen Pra-Kelayakan) 5. Mempunyai keupayaan kewangan dan keupayaan Teknikal <ol style="list-style-type: none"> i) Nilai 'Nett Worth' melebihi RM 4.0 Juta atau Modal Pusingan melebihi RM 2.0 Juta ii) Nilai tahunan keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas tidak kurang daripada RM 20 Juta iii) Rekod prestasi kerja yang memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyediaan dan mutu kerja iv) Pengalaman projek sebanding
3.	Borang Pra Kelayakan	<p>Borang Pra-Kelayakan boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dari 5 Mei 2014 sehingga 19 Mei 2014 semasa waktu pejabat, tidak lewat dari 5.00 petang dari Isnin hingga Jumaat.</p> <p>Borang Pra-Kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa dan membawa bersama sijil asal pendaftaran.</p> <p>Bayaran Dokumen Pra-Kelayakan RM 50.00 yang perlu disediakan dalam bentuk Wang Pos atau Bank Draf atas nama : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR. (Bayaran ini tidak akan dikembalikan)</p>
4.	Penyerahan Dokumen	<p>Borang yang telah lengkap dengan CV terperinci berserta dokumen-dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterai dan bertulis dengan jelas tajuk projek hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat :-</p> <p>Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>No. Tel : 03-55201234 atau layari Web Tender PKNS di http://etender.pkns.gov.my</p>
5.	Tarikh Tutup Penyerahan Pra-Kelayakan	20 Mei 2014 sebelum jam 12.00 Tengahari

Dokumen yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Hanya Kontraktor-kontraktor yang disenarai pendek sahaja akan dimaklumkan dan layak ke peringkat Tender seterusnya.



Seminar khas untuk peniaga bazar

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan menganjurkan Seminar Bazar Ramadan MPSJ 2014 untuk para peniaga.

Seminar itu memberi taklimat berhubung tatacara kebersihan, keselesaan dan mesra pengunjung.

Jabatan Komunikasi Korporat MPSJ, berkata seminar ini dilaksanakan bersama Jabatan Pelesenan MPSJ, Syarikat Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Antara modul yang akan diketengahkan adalah modul Kesihatan dan Kebersihan, Pengendalian Makanan dan Halal Toyyiban.

"Peniaga yang mendapat tawaran berniaga di Bazar Ramadan MPSJ, tetapi gagal menghadiri seminar yang dianjurkan ini, tawaran berniaga akan dibatalkan.

"Sehubungan itu, MPSJ berharap agar para peniaga dapat hadir ke seminar yang dianjurkan ini dan mematuhi peraturan

MPSJ berharap agar para peniaga dapat hadir ke seminar yang dianjurkan ini dan mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi mengelak daripada dikenakan tindakan

yang ditetapkan bagi mengelak daripada dikenakan tindakan," memetik kenyataan MPSJ.

Seminar Bazar Ramadan MPSJ 2014 akan diadakan selama tiga hari berturut-turut, iaitu di Dewan Serbaguna MPSJ, Puchong Indah (6 Mei), Stadium MPSJ Serdang Jaya (7 Mei) dan Dewan Serbaguna MPSJ, SS15 Subang Jaya (8 Mei).

Pada tahun ini, MPSJ menyediakan 1, 474 petak yang sudah dipenuhi peniaga dengan kawasan Puchong mendahului senarai tertinggi iaitu 464 petak, diikuti Serdang dan Sri Kembangan (450), Subang Jaya (395) dan Kinrara (165).

Bekas pekerja ladang disyarat beli rumah ganti



Keluarga bekas pekerja ladang Taman Permata, masih tertanya-tanya status mereka yang masih tidak diketahui sehingga kini

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan Dan Kerajaan Prihatin, V Ganabatirao (**gambar**) menolak dakwaan Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif, kononnya Kerajaan Negeri tidak profesional dalam menyelesaikan isu pembinaan rumah teres untuk mangsa pemindahan projek Putrajaya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri, menawarkan tanah seluas 30 ekar di Ampang Tengah untuk dibangunkan sebagai kediaman kekal untuk keluarga bekas pekerja ladang Taman Permata, Dengkil.

Meskipun tanah ditawarkan pada Julai 2013, Kerajaan Persekutuan pula menetapkan beberapa

Kerajaan Negeri menawarkan tanah seluas 30 ekar di Ampang Tengah untuk dibangunkan sebagai kediaman kekal untuk keluarga bekas pekerja ladang Taman Permata, Dengkil. Meskipun tanah ditawarkan pada Julai 2013, Kerajaan Persekutuan pula menetapkan beberapa syarat antaranya rumah yang dibina tidak boleh dilakukan secara percuma.

syarat antaranya rumah yang dibina tidak boleh dilakukan secara percuma.

Kerajaan Persekutuan juga mahu bekas pekerja ladang itu supaya membeli rumah yang akan dibina itu nanti. Putrajaya juga mahu Kerajaan Negeri menanggung sebahagian kos pembinaan rumah-rumah itu.

“Surat berserta syarat itu dihantar kepada Kerajaan Negeri, pada 16 Januari lalu. Pada 17 Januari, kita membalas surat itu dengan pendirian tidak bersetuju dengan syarat yang dikemukakan,” katanya.

Beliau berkata, sehingga kini masih tiada maklum balas daripada kementerian selepas perbincangan bersama Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khusrin Munawi, 1 April lalu.

400 penduduk dari Ladang Perang Besar, Medingly, Galloway dan Sedgley dipindahkan pada 1999 bagi memberi laluan kepada projek pembinaan Putrajaya dan dijanjikan rumah teres sebagai ganti.

Sementara menanti kediaman digantikan, mereka ditempatkan di pangsapuri transit. Selepas 15 tahun berlalu, Putrajaya masih belum menunaikan janji mereka.

Sebagai langkah sementara, Kerajaan Negeri mengarahkan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) untuk memperbaiki pangsapuri mereka melalui peruntukan RM500,000.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
2 - 9 MEI 2014, 2 - 9 REJAB 1435H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
02 Jumaat	5:34	5:44	7:03	1:13	4:31	7:20	8:31
03 Sabtu	5:34	5:44	7:03	1:13	4:31	7:20	8:31
04 Ahad	5:34	5:44	7:03	1:13	4:32	7:20	8:32
05 Isnin	5:33	5:43	7:03	1:13	4:32	7:20	8:32
06 Selasa	5:33	5:43	7:03	1:13	4:32	7:20	8:32
07 Rabu	5:33	5:43	7:03	1:13	4:32	7:20	8:32
08 Khamis	5:33	5:43	7:02	1:13	4:33	7:20	8:32
09 Jumaat	5:32	5:42	7:02	1:12	4:33	7:20	8:32
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
02 Jumaat	5:36	5:46	7:05	1:15	4:33	7:22	8:33
03 Sabtu	5:36	5:46	7:05	1:15	4:33	7:22	8:33
04 Ahad	5:36	5:46	7:05	1:15	4:34	7:22	8:34
05 Isnin	5:35	5:45	7:05	1:15	4:34	7:22	8:34
06 Selasa	5:35	5:45	7:05	1:15	4:34	7:22	8:34
07 Rabu	5:35	5:45	7:05	1:15	4:34	7:22	8:34
08 Khamis	5:35	5:45	7:04	1:15	4:35	7:22	8:34
09 Jumaat	5:34	5:44	7:04	1:14	4:35	7:22	8:34

KENYATAAN TENDER



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan** serta masih dibenarkan **membuat tawaran pada masa ini** bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
Tajuk Projek CADANGAN KERJA-KERJA TANAH DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI FASA 3, LAMAN 1, BERNAM JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN	CIDB : Gred G7 Kategori CE Pengkhususan CE 21 & CE 36	Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM Pada : 05 Mei 2014 Hingga 20 Mei 2014	27 Mei 2014 Jam 12.00 Tengahari
No. Kontrak PKNS/IP/BJ/KON-16/2013			

- Bayaran **Dokumen Tawaran** adalah RM 400.00 dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang** di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
- Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **05 Mei 2014**
- Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) SERTA SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA** dan satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
- Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-5520 1234

etender.pkns.gov.my

- Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.



GEMBIRA...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Dr Halimah Ali bersama penerima Skim Mikrokredit Fasa 56, sewaktu Program Khas Mesra Rakyat (PKMR) di Dewan Hamzah, Majlis Perbandaran Klang



Isu tapak pelupusan sampah di Semenyih selesai

OLEH AFEEQA AFEERA

HULU LANGAT - Kerajaan Negeri memberi jaminan pembinaan tapak pelupusan sanitari yang akan dibina tidak lama lagi di Kampung Pasir Baru, Semenyih menghalak ke Sungai Tekala tidak menggugat keselesaan penduduk di kawasan itu.

Exco Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata tapak seluas 50 ekar khusus untuk sampah pukat itu dapat menyelesaikan masalah bau busuk dan pencemaran alam sekitar yang ditanggung penduduk ekoran

lori sampah didakwa menggunakan jalan di kampung berkenaan.

Tapak seluas 50 ekar khusus untuk sampah pukat itu dapat menyelesaikan masalah bau busuk dan pencemaran alam sekitar yang ditanggung penduduk ekoran lori sampah didakwa menggunakan jalan di kampung berkenaan

DR AHMAD YUNUS HAIRI
Exco Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam

lori sampah didakwa menggunakan jalan di kampung berkenaan.

Katanya, Kerajaan Negeri kini giat menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk setempat termasuk mengadakan perbincangan hampir setiap minggu berhubung isu terbabit.

"Buat masa ini, kita putuskan untuk menggunakan Sungai Kembong dan Tanjung 12 sebagai tapak pembuangan sampah sebelum dibangunkan tapak pelupusan sanitari oleh pihak Worldwide Holding Berhad.

"Tapak itu juga khusus untuk kompaktor sahaja, manakala lori sampah (open tipper) tidak dibenarkan masuk ke situ," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan di kawasan tanah runtuh di Jalan Sungai Lalang.

Dilaporkan, lokasi tapak pelupusan sampah berkenaan terletak sejauh lapan kilometer dari Pusat Perolehan Semula Sumber Sisa Pepejal Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) Kampung Pasir Baru yang juga dikenali sebagai Refused Derived Fuel (RDF).

RDF itu wujud sejak 2004 tetapi tidak mampu menampung lebih sampah sehingga 50,000 tan. Situasi ini menyebabkan kesulitan di pihak MPKj untuk menguruskan yang dihasilkan 780,000 warga wilayah MPKj.

"BELIA SIHAT TANPA DADAH"

Mengenal Pasti Bakat Sukan (TID) Umur 8 tahun-11 tahun Klinik Memanah

Pertandingan 'STREET SOCCER' TERBUKA

Pertandingan Bola Jaring 3 on 3 Terbuka

Pertandingan Catur

Pertandingan DAM ULAR GERGASI

Pameran Agensi Anti Dadah Kebangsaan

Walkathon BES Jelajah Selangor "Belia Sihat Tanpa Dadah" [T-shirt Percuma]

Bazar Usahawan Muda

SENAMROBIK SELANGORKU CERGAS

Ahad 4 Mei 2014 7 pagi - 6 petang

PARKING LOT MBSA SEKSYEN 13 [SEBELAH MASJID NAZA TTDI SEKSYEN 13, SHAH ALAM]

SAMBUTAN HARI SUKAN Antarabangsa PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2014

Anjuran

Penyertaan dan pertanyaan hubungi Pn. Yusnaiza 012-3862030 En. Faizal 012-2230819

www.beliaselangor.org

beliaehsanselangor